



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 7 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 7 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,449 kes** (396,004 kes kumulatif, 91.6%);
- Kes baharu : **4,498 kes** (432,425 kes kumulatif);
- Kes import : **5 kes** (1 warganegara dan 4 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,493 kes** [4,179 warganegara (93.0%); 314 bukan warganegara (7.0%)];
- Kes aktif : **34,789 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **372 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **211 kes**; dan
- Kes kematian : **22 kes** (1,632 kes kumulatif, 0.38%; 20 warganegara, 2 bukan warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,424 kes (31.7 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **1,165 kes (81.8 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **750 kes (16.7 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **436 kes (9.7 peratus)**.

Sebanyak **empat (4) kes (0.1 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang melibatkan Kluster DTI Lenggeng.

Terdapat 22 kes kematian pada hari ini yang melibatkan enam (6) kes di Sarawak, masing-masing tiga (3) kes di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Kelantan, masing-masing dua (2) kes di Johor dan Perak, serta masing-masing satu (1) kes di Sabah, Kedah, dan Perlis. Sebanyak 20 kes melibatkan warganegara dan dua (2) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 7 Mei 2021:

1. Jumlah kluster : **1,759 kluster**;
2. Jumlah kluster baharu : **19 kluster**;
3. Jumlah kluster yang telah tamat : **1,334 kluster** (termasuk **12 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Batu Lima Jalan Sibuga, Kluster Permatang Pasir, Kluster Kait Gading, Kluster Jalan Sungai Ramal, Kluster Rimbayan, Kluster Batu Enam Setengah, Kluster Ladang Sungai Pelek, Kluster Persiaran Maktab, Kluster Tembok Muhasabah, Kluster Gelong, Kluster Bukit Rahman, dan Kluster Jalan Asam**);
4. Jumlah kluster aktif : **425 kluster**;
5. Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **102 kluster**; dan
6. Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Jalan Kempas Pagoh (70 kes), Kluster Jalan Besar Sungai Jawi (47 kes), dan Kluster Beladin (45 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **19 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan 10 kluster tempat kerja, empat (4) kluster komuniti, tiga (3) kluster keagamaan, dan dua (2) kluster sektor pendidikan termasuk satu (1) kluster institusi pendidikan KPM.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Persiaran Perpaduan USJ	Selangor	Tempat Kerja
2	Jalan Nouvelle	Selangor	Tempat Kerja
3	Jalan Manjalara Idaman	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
4	Jalan Udang Harimau	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
5	Jalan Besar Pasir Mas	Kelantan	Tempat Kerja
6	Blok D Jalan Pending	Sarawak	Tempat Kerja
7	Jalan Kempas Pagoh	Johor	Tempat Kerja
8	Ladang LSP	Sabah	Tempat Kerja
9	Jalan Perusahaan Empat	Perak	Tempat Kerja
10	Jalan PKAK Ayer Keroh	Melaka	Tempat Kerja
11	Pulau Ketam	Selangor	Komuniti
12	Penurin	Sarawak	Komuniti
13	Kampung Kochang	Kelantan	Komuniti
14	Dah Lengkuas	Kedah	Komuniti
15	Jalan Limbang	Sarawak	Keagamaan
16	Beladin	Sarawak	Keagamaan
17	Dah Utama	Kedah	Keagamaan
18	Jalan Pahlawan Empat	Johor	Institusi Pendidikan KPM
19	Jalan Midah Besar	WP Kuala Lumpur	Pendidikan Lain

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

7 Mei 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 7 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,424	140,270
SABAH	153	58,733
JOHOR	327	47,318
WP KUALA LUMPUR	436 (3)	46,003
SARAWAK	750 (2)	34,227
PULAU PINANG	313	21,258
NEGERI SEMBILAN	188	19,453
KELANTAN	297	16,474
PERAK	148	15,416
KEDAH	209	10,839
MELAKA	74	7,835
PAHANG	78	5,590
TERENGGANU	87	4,728
WP LABUAN	2	2,477
WP PUTRAJAYA	8	1,428
PERLIS	4	376
JUMLAH KESELURUHAN	4,498 (5)	432,425

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 4,498 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 7 Mei 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,424 kes**
 - 91 kes daripada kluster-kluster, termasuk 22 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Nouvelle, Kluster Persiaran Perpaduan USJ, dan Kluster Pulau Ketam**;
 - 1,074 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 259 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 750 kes**
 - 134 kes daripada kluster-kluster, termasuk 72 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Beladin, Kluster Blok D Jalan Pending, Kluster Jalan Limbang, dan Kluster Penurin**;
 - 544 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
 - 70 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 436 kes**
 - 25 kes daripada kluster-kluster, termasuk 17 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Manjalara Idaman, Kluster Jalan Midah Besar, dan Kluster Jalan Udang Harimau;**
 - 246 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
 - 162 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 327 kes**
 - 107 kes daripada kluster-kluster, termasuk 74 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Kempas Pagoh dan Kluster Jalan Pahlawan Empat;**
 - 133 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 87 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 313 kes**
 - 60 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 116 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 137 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 297 kes**
 - 48 kes daripada kluster-kluster, termasuk 13 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Besar Pasir Mas dan Kluster Kampung Kochang**;
 - 168 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 81 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 209 kes**
 - 88 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Dah Lengkuas dan Kluster Dah Utama**;
 - 78 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 43 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 188 kes**
 - 46 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 90 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 52 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 153 kes**
 - 101 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Ladang LSP**;

- 34 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 148 kes**
 - 62 kes daripada kluster-kluster, termasuk 17 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Perusahaan Empat**;
 - 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 46 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 87 kes**
 - 44 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 31 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 78 kes**
 - 24 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 74 kes**
 - 42 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan PKAK Ayer Keroh**;
 - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 11 daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Lapan (8) kes**
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis: Empat (4) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 22 kes kematian pada 7 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina / (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1611	Sarawak	Lelaki (WN)	78	Hospital Sibu	Penyakit darah tinggi dan buah pinggang kronik
1612	Sarawak	Lelaki (WN)	75	Hospital Miri	Penyakit darah tinggi
1613	Kelantan	Perempuan (WN)	63	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
1614	Selangor	Lelaki (WN)	62	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit darah tinggi dan asma
1615	Perak	Lelaki (WN)	69	Hospital Teluk Intan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1616	Sarawak	Lelaki (WN)	59	Hospital Sibu	-
1617	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	71	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan gout
1618	Kelantan	Lelaki (WN)	72	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian	Penyakit darah tinggi, paru-paru obstruktif kronik, dan tuberkulosis
1619	Sarawak	Lelaki (WN)	80	Hospital Bintulu	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan gout
1620	Johor	Perempuan (WN)	68	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1621	Sarawak	Perempuan (WN)	60	Hospital Sarikei	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan asma

1622	Kelantan	Lelaki (WN)	82	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai	-
1623	Sarawak	Lelaki (WN)	78	Hospital Sibul	-
1624	Selangor	Lelaki (WN)	56	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
1625	Selangor	Lelaki (WN)	53	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi
1626	Johor	Perempuan (WN)	38	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit darah tinggi dan obesiti
1627	Perlis	Perempuan (WN)	60	Hospital Tuanku Fauziah, Kangar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, asma, dan obesiti
1628	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	71	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1629	Perak	Perempuan (WN)	50	Hospital Seri Manjung	Penyakit kencing manis
1630	Kedah	Lelaki (WN)	37	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Penyakit kencing manis, buah pinggang kronik, dan tuberkulosis
1631	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	67	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi dan strok
1632	Sabah	Lelaki (BWN)	87	Jenazah dibawa ke Hospital Tawau	Penyakit asma

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian 19 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER PERSIARAN PERPADUAN USJ

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling, Klang, Kuala Selangor, dan Kuala Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 27 April 2021 hasil saringan bersasar kakitangan sebuah pusat pentadbiran awam yang terletak di Persiaran Perpaduan, USJ 5, Subang Jaya, Petaling. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 137 individu telah disaring, di mana **43 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN NOUVELLE

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat dan Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 5 Mei 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Nouvelle, *Nouvelle Industrial Park*, Balakong, Seri Kembangan. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 43 individu telah disaring, di mana **21 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN MANJALARA IDAMAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Mei 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah restoran yang terletak di Jalan Manjalara Idaman, Bandar Manjalara, Kepong. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 20 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER UDANG HARIMAU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Mei 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Udang Harimau 2, Medan Niaga Kepong. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 14 individu telah disaring, di mana **enam (6) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER JALAN BESAR PASIR MAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Pasir Mas di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-414591) dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah

restoran yang terletak di Jalan Besar, Pasir Mas. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 75 individu telah disaring, di mana **29 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER BLOK D JALAN PENDING

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuching, Bau, Sibuluan, dan Samarahan di Sarawak. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 19 April 2021 hasil saringan bersasar kakitangan sebuah syarikat perkhidmatan yang terletak di Blok D, Jalan Pending, Kuching. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 579 individu telah disaring, di mana **54 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER JALAN KEMPAS PAGOH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Muar di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 28 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Kempas, Kawasan Perindustrian Pagoh, Muar. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 972 individu telah disaring, di mana **77 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER LADANG LSP

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kinabatangan dan Sandakan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-385518) dilaporkan positif COVID-19 pada 23 April 2021 hasil saringan tempat kerja. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah ladang yang terletak di Kinabatangan. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 129 individu telah disaring, di mana **20 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER JALAN PERUSAHAAN EMPAT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kerian serta Larut, Matang, dan Selama di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-400824) dilaporkan positif COVID-19 pada 28 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Perusahaan 4, Kamunting, Larut, Matang, dan Selama. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 85 individu telah disaring, di mana **26 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER JALAN PKAK AYER KEROH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Melaka Tengah di Melaka. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-417389) dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Mei 2021 hasil saringan

individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pusat penginapan yang terletak di Jalan PKAK dan Jalan PKAK 2, Pusat Komersial Ayer Keroh, Melaka Tengah. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 243 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER PULAU KETAM

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Klang, Petaling, dan Sabak Bernam di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-411696) dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah aktiviti sosial yang diadakan daripada 23 April 2021 sehingga 25 April 2021 oleh komuniti Pulau Ketam, Klang. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 154 individu telah disaring, di mana **22 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER PENURIN

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Betong dan Kuching di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-413884) dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Mei 2021 hasil saringan pra pembedahan. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Penurin, Betong. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 185 individu telah

disaring, di mana **23 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

13. KLUSTER KAMPUNG KOCHANG

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Pasir Mas di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-353276) dilaporkan positif COVID-19 pada 6 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Kochang, Bunut Susu, Pasir Mas. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 64 individu telah disaring, di mana **24 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

14. KLUSTER DAH LENGKUAS

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kota Setar di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-408555) dilaporkan positif COVID-19 pada 30 April 2021 hasil saringan sendiri. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Taman Lengkuas, Simpang Empat, Alor Setar. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 28 individu telah disaring, di mana **16 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

15. KLUSTER JALAN LIMBANG

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Miri, Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-416407) dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Limbang, Taman Tunku, Miri. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 108 individu telah disaring, di mana **18 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

16. KLUSTER BELADIN

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Pusa di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-416403) dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Hilir Beladin, Pusa. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 435 individu telah disaring, di mana **46 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

17. KLUSTER DAH UTAMA

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Kuala Muda di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-411430) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana

penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Utama Alor Setar-Sungai Petani, Gurun, Kuala Muda. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 35 individu telah disaring, di mana **28 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

18. KLUSTER JALAN PAHLAWAN EMPAT

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-418588) dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah sekolah yang terletak di Jalan Pahlawan 4, Taman Ungku Tun Aminah, Skudai, Johor Bahru. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 336 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

19. KLUSTER JALAN MIDAH BESAR

Kluster pendidikan ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-410077) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Midah Besar, Taman Midah, Cheras. Sehingga 7 Mei 2021, sejumlah 59 individu telah disaring, di mana **11 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.